Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Hj Abdul Razak dan satu lagi lwn Nga Kor Ming

MAHKAMAH TINGGI (KUALA LUMPUR) — GUAMAN NO 23NCVC-43–06 TAHUN 2015
SITI KHADIJAH H
25 APRIL 2016

Prosedur Sivil — Bantahan awalan — Pelupusan kes dalam perkara undang-undang — Plaintif-plaintif memfailkan saman fitnah terhadap defendan — Plaintif-plaintif memohon pernyataan pembelaan defendan diputuskan mengenai perkara undang-undang di bawah A 14A k 1 Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012 — Defendan mengemukakan bantahan awalan — Sama ada plaintif pertama mempunyai locus standi — Sama ada perkataan-perkataan ditujukan dalam kapasiti plaintif pertama sebagai Perdana Menteri atau dalam kapasiti peribadi

Plaintif-plaintif telah memfailkan tindakan saman fitnah terhadap defendan yang memuat naik status bersama-sama dengan gambar plaintif-plaintif di dalam bilik sebuah hotel di China bersama-sama dengan rakan kabinet ('perkataan-perkataan tersebut') di dalam akaun Facebook milik defendan. Status tersebut antara lain mempersoalkan sama ada plaintif pertama adalah Perdana Menteri atau pun isterinya ('plaintif kedua'). Terdapat dua permohonan dalam kes ini oleh plaintif-plaintif dan defendan. Permohonan pertama ('lampiran 8') telah dibuat oleh defendan bagi mendapatkan perintah mahkamah supaya pengendorsan writ dan pernyataan tuntutan plaintif-plaintif dibatalkan. Permohonan kedua ('lampiran 11') pula telah difailkan oleh plaintif-plaintif bagi memohon supaya pernyataan pembelaan defendan diputuskan mengenai perkara undang-undang di bawah A 14A k 1 Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012. Kedua-dua pihak telah bersetuju untuk lampiran 11 dibicarakan dahulu namun defendan telah membangkitkan bantahan awalan. Defendan berhujah bahawa plaintif pertama tidak mempunyai locus standi untuk mengekalkan tindakan terhadap defendan memandangkan perkataan-perkataan tersebut telah ditujukan terhadap plaintif pertama dalam kapasiti rasmi beliau sebagai seorang Perdana Menteri. Defendan juga berhujah bahawa pihak yang berada dalam kapasiti rasmi yang menerima kritikan dalam kapasiti tersebut tidak boleh mengambil tindakan mendakwa pihak-pihak khususnya dari kalangan awam yang membuat kritikan terhadapnya. Plaintif pertama pula menghujahkan bahawa tindakan yang diambil dalam kes ini adalah dalam kapasiti peribadi beliau dan bukan dalam kapasiti beliau sebagai Perdana Menteri.

Diputuskan, menolak bantahan awalan:

(1) Mahkamah mendapati, konsikuensi tetap akan terhasil terhadap kapasiti rasmi plaintif pertama sebagai seorang Perdana Menteri walaupun lontaran perkataan-perkataan yang dipersoalkan ditujukan terhadap kapasiti peribadi beliau sebagai individu (lihat perenggan 38–39).

(2) Berdasarkan fakta kes, mahkamah telah mendapati bahawa perkataan-perkataan yang dipersoalkan yang disertakan bersekali dengan gambarnya bukan saja mempersoalkan kapasiti plaintif pertama secara peribadi tetapi juga mencabar kapasiti beliau, bukan selaku seorang Perdana Menteri yang dikaitkan dengan sesuatu tugas yang telah dilakukannya, sebaliknya selaku seorang suami kepada isteri beliau. Oleh itu, mahkamah menolak bantahan awalan defendan (lihat perenggan 49–50).

[English summary

The plaintiffs filed an action for defamation against the defendant for uploading a status with an accompanying photographs of the plaintiffs in a hotel room in China with his cabinet members ('the said words') in the defendant's Facebook account. The said status, inter alia, raised the question whether the first plaintiff or his wife that is the Prime Minister ('the second plaintiff'). There were two applications made in this case by the plaintiffs and the defendant. The first application ('encl 8') was made by the defendant to obtain the court's order to strike out the endorsement of the plaintiffs' writ and statement of claim. The second application ('encl 11') was filed by the plaintiff in order for the defendant's statement of defence to be decided on the point of law under O 14A of the Rules of Court 2012. The parties agreed that encl 11 should be tried first but the defendant raised a preliminary objection. The defendant submitted that the first plaintiff did not have the locus standi to maintain an action against the defendant since the words were directed towards the first plaintiff in his official capacity as a Prime Minister. The defendant also submitted that the party in an official capacity who receives criticisms in that capacity could not take action against parties from the public criticising him. The first plaintiff submitted that the action taken in this case was against his personal capacity and not his capacity as the Prime Minister.

Held, dismissing the preliminary objection:

(1) There would be consequences of the first plaintiffs' official capacity as the Prime Minister even though the words directed to him were made in his personal capacity as a person (see paras 38–39).

(2) Based on the facts of the case, the court held that the words in question which accompanied the photograph did not only question the first plaintiff's personal capacity but also challenged his, not as the Prime Minister and his duties but as a husband to his wife. Therefore, the court dismissed the defendant's preliminary objection (see paras 49–50).]

Nota-nota

Untuk kes mengenai pelupusan kes dalam perkara undang-undang, lihat 2(4) *Mallal's Digest* (5th Ed, 2015) perenggan 7649.

Kes-kes yang dirujuk

Derbyshire County Council v Times Newspapers Ltd and others [1993] AC 534, HL (dirujuk)

Hector v Attorney General of Antigua and Barbuda and others [1990] 2 All ER 103, PC (dirujuk)

Kerajaan Negeri Trengganu & Ors v Dr Syed Azman Syed Ahmad Nawawi & Ors (No 2) [2013] 7 MLJ 145, MT (dirujuk)

Malayan Banking Bhd v PK Rajamani [1994] 1 MLJ 405, MA (dirujuk)

New York Times Co v Sullivan 376 US 254, MA (dirujuk)

Utusan Melayu (M) Bhd v Dato' Sri DiRaja Hj Adnan bin Hj Yaakob [2016] 5 MLJ 56, MR (dibezakan)

Undang-undang yang dirujuk

Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012 A 14A k 1, A 18 k 19(1)(b), (1)(c), (1)(d)

Mohd Hafarizam bin Harun (Reza Hassan, Nurshafiqa Balqish bt Jaffri dan Nik Nuraisha Alia Hanafi bersamanya) (Hafarizam Wan & Aisha) bagi pihak plaintif.

Gobind Singh (Joanne Chua Tsu Fei, Dennis Goh Teik Chuan dan Alex Tan Chie Sian bersamanya) (Wong Kian Kheong) bagi pihak defendan.

Siti Khadijah H:

[1] Terdapat dua permohonan untuk diputuskan oleh mahkamah.

[2] Permohonan daripada defendan dalam lampiran 8 dibuat di bawah A 18 k 19(1)(b), (c) atau (d) Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012 ('Kaedah-Kaedah Mahkamah') untuk mendapatkan perintah mahkamah supaya pengendorsan writ dan pernyataan tuntutan plaintif-plaintif dibatalkan.

[3] Permohonan dalam lampiran 11 yang dikemukakan oleh plaintif-plaintif memohon supaya pernyataan pembelaan defendan bertarikh 9 Julai 2015 diputuskan mengenai perkara undang-undang di bawah A 14A k 1 Kaedah-Kaedah Mahkamah.

[4] Pada 17 Mac 2016, atas persetujuan daripada kedua-dua pihak permohonan dalam lampiran 11 dibicarakan dahulu.

[5] Walau bagaimanapun, sebaik saja perbicaraan dimulakan yang terpelajar peguamcara defendan telah membangkitkan secara lisan satu bantahan awalan

untuk ditentukan oleh mahkamah melalui A 14A k 2 bahawa pemohon/plaintif 1 ('plaintif 1') tidak mempunyai locus standi untuk menyaman defendan dalam tindakan ini. Bagi tujuan tidak berlengah-lengah, perkara ini telah dipertimbangkan oleh mahkamah di peringkat ini.

BANTAHAN AWALAN

[6] *Defendan mengatakan bahawa plaintif 1 tidak mempunyai locus standi untuk mengekalkan tindakan beliau terhadap responden/defendan (akan dirujuk sebagai defendan).*

[7] *Mengikut defendan, plaintif 1 tidak mempunyai locus standi untuk bertindak terhadap defendan kerana perkataan-perkataan yang dikatakan oleh plaintif 1 sebagai memfitnah beliau itu apabila dilontarkan oleh defendan terhadap plaintif 1, telah ditujukan terhadap plaintif 1 dalam kapasiti rasmi beliau sebagai seorang Perdana Menteri.*

[8] Merujuk kembali kepada tindakan plaintif-plaintif dalam tindakan ini, bersekali dengan perkataan-perkataan yang dipersoalkan, dakwaan terhadap defendan adalah bersekali dengan gambar plaintif-plaintif yang dimuat naik beserta status dalam akaun Facebook atas nama defendan bertarikh 29 Mac 2015.

[9] Gambar tersebut menunjukkan kedua-dua plaintif semasa mereka berada dalam bilik penginapan mereka di sebuah hotel di Negara China bersama beberapa orang rakan mereka (rakan kabinet).

[10] Plaintif-plaintif mendakwa defendan telah menerbitkan perkataan-perkataan fitnah dalam akaun Facebooknya tersebut dengan memuat naik status memfitnah yang boleh diakses secara bebas oleh pengguna internet di seluruh dunia. Sehingga tarikh 4 Januari 2015, seramai 3,697 pengguna Facebook telah 'like' status tersebut dan seramai 2,366 pengguna Facebook telah berkongsi status tersebut. Plaintif-plaintif mendakwa status bergambar itu masih tersebar dengan meluas di dua buah blog yang masih boleh diakses di seluruh dunia dan mempunyai 'page view' masing-masing seramai 25,360,055 dan 6,626,986 sehingga writ saman difailkan.

[11] Perkataan-perkataan yang dipersoalkan adalah seperti berikut:

a) Meeting Kerajaan...Siapa PM Sekarang..?? Najib Razak @ Rosmah Mansor...?? Kenapa Perlu Ada Isteri Dalam Mesyuarat Kabinet Kerajaan..?? Rosmah Mansor Ni Bertanding Perlimen Mana?? Menteri Apa Dia Nie??

SEBARKAN SEBANYAKNYA...

b) Siapa PM M'sia yang sebenar? Jawab!

(Selepas ini dirujuk sebagai 'Perkataan-Perkataan yang dipersoalkan')

[12] Dengan merujuk kepada perkataan-perkataan yang dipersoalkan, yang bijaksana peguamcara defendan telah berhujah bahawa daripada perkataan-perkataan 'Meeting Kerajaan ... Siapa PM Sekarang ...' adalah jelas, tidak lain dan tidak bukan, bahawa perkataan-perkataan tersebut merujuk kepada perkara-perkara dalam urusan rasmi plaintif 1 selaku seorang Perdana Menteri Malaysia.

[13] Peguamcara defendan menambah lagi bahawa jika ini masih dikatakan sebagai tidak jelas, cubalah rujuk kepada pernyataan tuntutan plaintif yang akan menambah jelaskan lagi bahawa perkataan-perkataan yang dipersoalkan apabila diajukan kepada plaintif 1 adalah dalam kapasiti rasmi, dan bukan dalam kapasiti peribadi beliau.

[14] Dalam perkara ini, yang terpelajar peguamcara defendan telah merujuk mahkamah kepada para 9 pernyataan tuntutan berkaitan erti kata *innuendo* yang dikatakan oleh plaintif 1 sendiri sebagai membawa maksud sindiran daripada perkataan-perkataan yang dipersoalkan seperti berikut:

(a) dalam para 9.1.1, bahawa plaintif 1 telah mengingkari sumpah taat setia yang diikrarkan di hadapan Yang Dipertuan Agong semasa perlantikan beliau selaku Perdana Menteri Malaysia untuk menggalas tugas dan tanggungjawab sebagai Perdana Menteri;

(b) dalam para 9.1.2, bahawa plaintif 1 tidak layak untuk mentadbir kerajaan Malaysia kerana telah menyerahkan tugas tersebut kepada plaintif 2; dan

(c) dalam para 9.1.3, bahawa plaintif 1 telah menyalahguna kuasa dan mandat sebagai Perdana Menteri Malaysia yang diberikan oleh Yang Dipertuan Agong untuk kepentingan sendiri.

[15] Sehubungan dengan itu, pihak defendan mengatakan bahawa kesemua perenggan tersebut dengan jelasnya menunjukkan bahawa perkataan-perkataan yang dipersoalkan apabila diajukan kepada plaintif 1, adalah dalam kapasiti rasmi beliau sebagai seorang Perdana Menteri.

[16] Yang bijaksana peguamcara defendan seterusnya menghujahkan bahawa dalam perkara ini, jika perkataan-perkataan yang dipersoalkan dilihat, dibaca dan dihalusi dalam konteks keseluruhannya, adalah jelas ia merupakan asas yang menjurus kepada kapasiti kerajaan dan bukan kapasiti individu.

[17] Sehubungan dengan perkara tersebut, pihak defendan telah merujuk mahkamah kepada artikel oleh *The Star* pada 2 Mac 2016 bertajuk 'High

Court closes Pahang MB's defamation case against Utusan Melayu' yang menyiarkan mengenai perkara berkaitan seperti berikut:

(a) 'public figures, who held public office, cannot sue the media for defamation';

(b) 'The unanimous decision agreed with the publisher's argument of using the Derbyshire principle, that public figures have no legal standing to file defamation suits'; dan

(c) 'Justice Rohana found that the said libellous article, when read as a whole, referred to Adnan by his post as the menteri besar'.

[18] Mahkamah juga dirujuk kepada artikel yang disiarkan oleh *Bernama* bertajuk 'High Court closes Pahang MB's case against Utusan Melayu' bertarikh 2 Mac 2016 seperti berikut:

(a) 'In a landmark decision, the Court of Appeal yesterday allowed Utusan Melayu to strike out Adnan's suit, ruling that public figures who hold public office could not sue the media for defamation'; dan

(b) '... it was the court's view that the article, in its context and as a whole, had referred to Adnan as 'menteri besar' and not as an individual private person'.

[19] Dalam hal ini, peguamcara defendan telah merujuk kepada kes *Derbyshire County Council v Times Newspapers Ltd and others* [1993] AC 534, yang dikatakan prinsipnya telah mempengaruhi keputusan mahkamah dalam kes *MB Pahang*. Pihak defendan seterusnya berhujah bahawa dalam konteks kes ini, apabila difahami secara keseluruhannya *merujuk kepada pihak yang membawa tindakan iaitu Adnan* yang telah membawa tindakan sebagai MB, diputuskan tidak boleh berbuat demikian dalam kapasiti rasmi beliau.

[20] Untuk menjelaskan lagi kepada mahkamah, rasional dalam keputusan tersebut, yang terpelajar peguamcara defendan telah memetik keputusan dalam kes *Derbyshire* iaitu keputusan House of Lords dan Privy Council yang mengiktiraf keperluan kritikan terbuka terhadap mereka yang memegang kedudukan awam. Keputusan dalam kes tersebut yang ditekankan kepada mahkamah ini terdapat di ms 534 kes tersebut seperti berikut:

> ... since it was of the highest public importance that a democratically elected government body should be open to uninhibited public criticism, and since the threat of civil actions for defamation would place an undesirable fetter on the freedom to express such criticism, it would be contrary to the public interest for institutions of central or local government to have any right at common law to maintain an action for damages for dafamation; and that, accordingly, the plaintiff was not entitled to bring an action for libel against the defendants, and its statement of claim would be struck out ...

[21] Dengan merujuk kepada kes *Hector v Attorney General of Antigua and Barbuda and others* [1990] 2 All ER 103 (PC), peguamcara defendan menguatkan hujah beliau bahawa prinsip ini telah diterima pakai sepertimana yang dapat dilihat dalam keputusan kes ini yang tercatat seperti berikut:

> In a free democratic society it is almost too obvious to need stating that those who hold public office in government and who are responsible for public administration must always be open to criticism. Any political censorship of the most insidious and objectionable kind.

[22] Selain daripada itu, terdapat kes *New York Times Co v Sullivan* 376 US 254 yang ditunjukkan kepada mahkamah oleh pihak defendan bahawa prinsip yang sama iaitu 'pegawai kerajaan dan/atau badan awam tidak berhak untuk membawa tuntutan fitnah' telah diiktirafkan di Amerika Syarikat.

[23] Berlanjutan daripada itu, pihak defendan sekali lagi merujuk mahkamah kepada kes *Derbyshire* di ms 548 untuk menjelaskan tujuan prinsip itu dipeloporkan seperti berikut:

> It follows, therefore, that every citizen has a right to criticize an inefficient or corrupt government without fear of civil as well as criminal prosecution. This absolute privilege is founded on the principle that it is advantageous for the public interest that the citizen should not be in any way fettered in his statements, and where the public service or due administration of justice is involved he shall have the right to speak his mind freely.

[24] Inti pati daripada hujah yang dibentangkan oleh yang bijaksana peguamcara defendan menunjukkan kepada mahkamah bahawa, pihak yang berada dalam kapasiti rasmi apabila menerima kritikan semasa berada dalam kapasiti tersebut tidak boleh mengambil tindakan mendakwa pihak-pihak khususnya dari kalangan awam yang membuat kritikan terhadapnya.

[25] Yang terpelajar peguamcara defendan juga telah membawa ke perhatian mahkamah kes *Kerajaan Negeri Trengganu & Ors v Dr Syed Azman Syed Ahmad Nawawi & Ors (No 2)* [2013] 7 MLJ 145 di ms 155 para 24 yang telah memutuskan seperti berikut:

> [24] In conclusion, due to strong public considerations, this court is of the opinion that any person, whether he is a Chief Minister, Minister or Prime Minister or any other person in a government executive position, can maintain an action for defamation in his personal capacity, but not in his official capacity. To allow such person (in this case, the second plaintiff as the Menteri Besar of Terengganu) to do so would tentamount to intimidating members of the public and striking fear in them, thereby stifling or discouraging constructive public criticism or question of government administration in situations where such criticism or question is necessary for the public good (see also the decision of the Supreme Court of Illinois in City of *Chicago v Tribune Co* (1923) 139 NE 86 which was cited in Derbyshire

and the decision of the Supreme Court of the United States in *New York Times Co v Sullivan* [376 US 254], 277, and the decision of the judicial committee of the Privy Counsel in *Hector v Attorney-General of Antigua and Barbuda* [1990] 2 AC 312 which cases, though not binding precedents, are rather persuasive authorities).

[25] Any threat of civil action for libel by a Chief Minister or any other Minister, in the official capacity, would have a 'chilling effect' and be detrimental to the constitutional right of freedom of speech in a civil and progressive society.

[26] Sebagai mengakhiri hujah beliau, peguamcara defendan dengan bergantung kepada keputusan Mahkamah Agong dalam *Malayan Banking Bhd v PK Rajamani* [1994] 1 MLJ 405 mengingatkan mahkamah kepada rasional dalam kes-kes autoriti tadi bahawa kritikan adalah penting dan adalah sesuatu yang baik bagi orang awam. Dengan itu, kewajipan mahkamah adalah untuk melihat kepada 'substance of the complaint' dalam perkataan-perkataan yang dipersoalkan untuk menentukan sama ada perkataan-perkataan tersebut ditujukan kepada plaintif 1 dalam kapasiti beliau sebagai Perdana Menteri ataupun dalam kapasiti peribadi beliau sebagai seorang individu.

[27] Dengan itu, pihak defendan mengulangi bantahan awalan pihak defendan bahawa dalam tindakan ini plaintif 1 tidak mempunyai locus standi untuk bertindak terhadap defendan, dan dengan itu memohon mahkamah membatalkan tuntutan plaintif 1 terhadap defendan.

[28] Di peringkat ini, yang bijaksana peguamcara plaintif 1 pula telah membuka hujah beliau dengan membangkitkan perbandingan antara plaintif 1 walaupun seorang Perdana Menteri juga mempunyai kapasiti peribadi, sedangkan *Derbyshire County Council* adalah sebuah Majlis Perbandaran tempatan dalam sebuah kerajaan demokratik.

[29] Yang terpelajar peguamcara plaintif 1 telah menarik perhatian dan mengingatkan mahkamah bahawa dalam kes *Derbyshire* juga telah memutuskan bahawa tindakan boleh diambil dalam kapasiti seorang individu. Petikan perkara ini adalah sepertimana terdapat di ms 550 perenggan C seperti berikut:

A publication attacking the activities of the authority will necessarily be an attack on the body of councillors which represents the controlling party, or on the executives who carry on the day to day management of its affairs. If the individual reputation of any of these is wrongly impaired by the publication, any of these can himself bring proceedings for defamation ...

[30] Seterusnya, yang bijaksana peguamcara plaintif 1 berhujah bahawa tindakan yang diambil oleh plaintif 1 dalam kes ini adalah dalam kapasiti peribadi beliau. Ini dikatakan dapat dilihat dari peringkat awal lagi, walaupun alamat yang diberi oleh plaintif 1 dalam pernyataan tuntutan beliau adalah di

Pejabat Perdana Menteri, ianya tidak dirujuk sebagai alamat pendaftaran mahupun alamat tempat tinggal plaintif 1. Sebaliknya telah dirujuk dalam pliding beliau sebagai alamat penyampaian.

[31] Selain dari itu, salah seorang peguamcara plaintif 1 yang merupakan peguamcara yang telah sendiri mengendalikan kes bagi pihak *Utusan Melayu* dalam kes *MB Pahang*, telah menunjukkan perbezaan di antara kes tersebut dengan kes di mahkamah ini.

[32] Dalam kes *MB Pahang*, perkataan-perkataan yang dikatakan memfitnah itu telah dilontarkan oleh Awang Selamat melalui *Utusan Melayu* bukan terhadap Adnan secara peribadi, tetapi secara khusus terhadap pentadbiran MB Pahang sebagai penyebab tanah runtuh dan masalah imigran di Cameron Highlands. Maka dikatakan kes di mahkamah ini ditunjukkan sebagai berbeza daripada kes *MB Pahang*.

[33] Selain dari itu, yang terpelajar peguamcara plaintif 1 juga telah menunjukkan perbezaan di antara kes ini dengan kes *Kerajaan Negeri Trengganu & Ors v Dr Syed Azman Syed Ahmad Nawawi & Ors (No 2)* [2013] 7 MLJ 145, memandangkan dalam kes *Kerajaan Negeri Terengganu*, selain daripada plaintif 1 dalam kes tersebut, plaintif 2 dalam kes itu telah menyaman atas kapasiti beliau sebagai Menteri Besar Terengganu, dan bukan atas kapasiti peribadi beliau.

[34] Malahan (mengikut peguamcara plaintif 1) di ms 151 para 15 kes tersebut, Hakim Yeoh Wee Siam telah mendapati, *'The only reference* in the statement of claim ('SOC') to the second plaintiff being an individual is found in para 2 ....'. Atas dasar inilah Hakim Yeoh berkata dalam keputusan beliau di ms 151 para 13 kes *Kerajaan Negeri Terengganu* seperti berikut:

> The Menteri Besar, even though he is appointed by the state ruler, acts in the name and on behalf of the state government. Since the state government has been held to have no capacity to maintain the action for defamation against the defendants, it follows that the position of the Menteri Besar is no different from that of the state government.

[35] Sehubungan dengan itu, mengikut peguamcara plaintif 1, terdapat perbezaan yang jelas dalam kes di mahkamah ini memandangkan Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Hj Abdul Razak dengan jelasnya daripada awal lagi telah mengambil tindakan menyaman atas nama beliau sendiri secara peribadi sebagai seorang individu, terhadap defendan.

[36] Selain daripada itu, mahkamah dijemput untuk merujuk kembali kepada perkataan-perkataan yang dipersoalkan di mahkamah ini iaitu:

Meeting Kerajaan...Siapa PM Sekarang ...?? Najib Razak @ Rosmah Mansor ...?? Kenapa perlu ada isteri dalam mesyuarat kabinet kerajaan ...??

[37] Bersekali dengan perkataan-perkataan yang dipersoalkan, terdapat gambar dan 'link' yang boleh diakses menunjukkan plaintif 1 dengan isterinya di dalam bilik penginapan mereka di sebuah hotel di China berada pada ketika itu dengan rakan-rakan kabinet dan juga isteri. Pada ketika ini, yang terpelajar peguamcara plaintif 1 telah melontar soalan kepada mahkamah seperti berikut: Apabila menjawat jawatan sebagai Perdana Menteri, adakah hilang hak seseorang itu sebagai seorang individu?

PENILAIAN MAHKAMAH

[38] Pada hemat mahkamah, jika dilihat secara keseluruhannya, dalam konteks apa sekalipun perkataan-perkataan yang dipersoalkan itu diungkapkan terhadap plaintif 1, ianya tetap melibatkan kedudukan beliau sebagai seorang Perdana Menteri.

[39] Dari sudut mana sekalipun mahkamah melihatnya, apakala perkataan-perkataan yang dipersoalkan itu dilontarkan terhadap beliau, sama ada dari sudut rasmi mahupun sudut peribadi, implikasi konsikuensinya tetap akan melibatkan kapasiti rasmi plaintif 1 sebagai seorang Perdana Menteri.

[40] Daripada sini, dapat dirumuskan bahawa sekiranya konsikuensi daripada lontaran perkataan-perkataan yang dipersoalkan adalah terhadap kapasiti rasmi beliau sebagai seorang Perdana Menteri, ini tidak bererti bahawa perkataan-perkataan yang dipersoalkan itu semestinya terhasil daripada lontaran dalam kapasiti rasmi beliau.

[41] Dalam kata lain, konsikuensi tetap akan terhasil terhadap kapasiti rasmi beliau sebagai seorang Perdana Menteri walaupun lontaran perkataan-perkataan yang dipersoalkan ditujukan terhadap kapasiti peribadi beliau sebagai seorang individu.

[42] Ini menerangkan kepada mahkamah, mengapa apabila dirujuk kepada para 9 pernyataan tuntutan plaintif-plaintif sendiri berkaitan erti kata *innuendo* daripada perkataan-perkataan yang dipersoalkan, telah membawa maksud sindiran yang melibatkan plaintif 1 dalam kapasiti rasmi beliau sebagai seorang Perdana Menteri.

[43] Dalam keadaan kedudukan kapasiti yang 'intertwined' sebegini, mahkamah mengingatkan dirinya supaya merungkai kerumitan dalam usaha menegakkan keadilan kepada kedua-dua pihak yang terlibat. Tugas mahkamah dalam konteks kes ini adalah mencari satu titik pemisahan di antara kapasiti

plaintif 1 sebagai seorang Perdana Menteri dengan kapasiti peribadi beliau sebagai seorang individu pada ketika perkataan-perkataan yang dipersoalkan itu dilontarkan terhadap beliau.

[44] Dalam menimbangkan bantahan awalan yang dikemukakan oleh yang bijaksana peguamcara defendan, selain daripada autoriti-autoriti dan pertimbangan seperti yang disebutkan sebelum ini, mahkamah juga telah mengambil iktibar keputusan Mahkamah Agong dalam *Malayan Banking Bhd v PK Rajamani* [1994] 1 MLJ 405 yang telah dikemukakan oleh pihak defendan dimana Mahkamah Agong dalam keputusannya mencatatkan pendiriannya seperti berikut:

> In our view, the correct approach would be to look at the substance, not just the label which had been attached to the letter. The law will always look beyond the terminology of the document to the actual facts of the situation and *it is no longer a question of words but substance.*

[45] Merujuk kembali kepada perkataan-perkataan yang dipersoalkan dan gambar yang ditonjolkan bersekali dengannya, apabila dilihat oleh mahkamah ini secara keseluruhannya, merujuk kepada plaintif 1 yang sedang berada di dalam bilik penginapan beliau di sebuah hotel di Negara China dengan isteri beliau, bersama rakan-rakan kabinet berserta pasangannya.

[46] Dalam keadaan inilah diwujudkan perkataan-perkataan yang menyertai gambar tersebut dengan mengatakan:

> Meeting Kerajaan ... Siapa PM Sekarang ...?? Najib Razak @ Rosmah Mansor ...?? Kenapa perlu ada isteri dalam mesyuarat kabinet kerajaan ...??

[47] Antara perkara-perkara yang mahkamah ambil perhatian dan ingatan adalah:

(a) pertamanya: gambar yang disertakan bersekali dengan perkataan-perkataan yang dipersoalkan bukanlah di Malaysia, bukan juga di Parlimen Malaysia, tetapi di dalam bilik penginapan plaintif 1 di sebuah hotel di Negara China;

(b) keduanya: dalam kapasiti apakah boleh mahkamah katakan plaintif 1 berada di dalam bilik penginapan beliau dalam hotel di Negara China tersebut bersama isteri beliau kalau tidak dalam kapasiti peribadi plaintif 1 sebagai seorang suami kepada Rosmah Mansor?

(c) ketiganya: sejak bila pula mesyuarat kabinet kerajaan Malaysia di adakan dalam bilik penginapan dalam hotel di luar negara? Bolehkah dalam keadaan ini mahkamah memutuskan bahawa plaintif 1 sedang menjalankan tugasnya dalam kapasiti seorang Perdana Menteri

mengendalikan mesyuarat kabinet di dalam bilik penginapan beliau dan isteri beliau. Tak mungkin mahkamah melihatnya sedemikian;

(d) keempatnya: bolehkah dan adilkah, dalam keadaan ini mahkamah dengan merujuk kepada kata-kata yang dipersoalkan membuat keputusan bahawa dalam senario ini, kata-kata tersebut dilontarkan kepada plaintif 1 dalam kapasiti beliau sebagai seorang Perdana Menteri yang sedang menjalankan tugas dalam kapasiti rasmi beliau?

(e) kelimanya: perkataan-perkataan 'Siapa PM Sekarang' di tujukan kepada PM semasa beliau berada dalam bilik penginapan beliau di hotel di Negara China.

[48] Sehubungan perhatian atas perkara-perkara tersebut, disamping pertimbangan-pertimbangan atas perkara-perkara yang disebut tadi, dan dengan mengambil iktibar keputusan dalam kes *Malayan Banking* tadi bahawa 'The law will always look beyond the terminology of the document to the actual facts of the situation and *it is no longer a question of words but substance',* mahkamah mendapati perkataan-perkataan yang dipersoalkan yang disertakan bersekali dengan gambarnya, bukan saja mempersoalkan kapasiti plaintif 1 secara peribadi tetapi juga mencabar kapasiti beliau, bukan selaku seorang Perdana Menteri yang dikaitkan dengan sesuatu tugas yang telah dilakukannya, sebaliknya selaku seorang suami kepada isteri beliau.

[49] Pada ketika ini, saya bertanya kepada diri sendiri? Dalam keadaan ini, tidakkah munasabah plaintif 1 menganggapnya sebagai fitnah yang dilontarkan kepada beliau dalam kapasiti peribadi sebagai seorang suami dan seorang individu? Justeru itu mengambil tindakan dalam kapasiti peribadi beliau?

[50] Pada pandangan mahkamah, keadaannya akan berbeza jika perkataan-perkataan yang dipersoalkan itu mengaitkan plaintif 1 dengan tugas tertentu (sepertimana dalam kes *MB Pahang* ataupun kejadian tertentu seperti dalam kes *Derbyshire*). Lainlah jika gambar yang disertakan sekali menunjukkan gambar dalam mesyuarat di Parlimen ataupun di tempat plaintif 1 menjalankan tugas rasmi beliau. Ataupun, sekurang-kurangnya di tempat mesyuarat rasmi di Negara China yang tidak sepatutnya dihadiri oleh para isteri masing-masing.

[51] Sehubungan dengan itu, memandangkan isu yang dibangkitkan di sini bukanlah isu dalam tuntutan utama, maka tugas mahkamah di peringkat ini hanyalah memutuskan sama ada membenarkan ataupun tidak bantahan awalan yang dibangkitkan oleh pihak defendan.

[52] Dalam perkara ini, semua pihak telah sedia maklum bahawa pada 17 Mac 16, mahkamah telah menolak bantahan awalan yang telah dibangkitkan oleh pihak defendan bahawa plaintif 1 tiada locus standi untuk membawa tindakan fitnah terhadap defendan dalam kes ini.

Bantahan awalan ditolak.

Dilaporkan oleh Dzulqarnain Ab Fatar